

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

24. Nyatakan tahap dan kualiti air sungai di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah perancangan untuk menjadikan sungai di Pulau Pinang sebagai salah satu produk pelancongan seperti Sungai Cheonggyecheon di Korea Selatan?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah agensi yang memantau indeks kualiti air sungai di beberapa sungai terpilih dalam negara. Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2018, kualiti air bagi tiga puluh lima (35) batang anak sungai di Pulau Pinang adalah berada dalam kategori Kelas II hingga IV.

Air sungai dalam kategori Kelas II boleh dijadikan sumber air domestik namun memerlukan rawatan konvensional dan boleh digunakan untuk tujuan rekreasi manakala Kelas III merujuk kepada air sungai yang memerlukan rawatan intensif. Air sungai dalam Kelas IV pula hanya sesuai untuk tujuan pengairan sahaja.

- (a) Kerajaan negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mempunyai perancangan untuk menjadikan sungai sebagai produk eko pelancongan di Seberang Perai. Buat masa ini terdapat 2 perancangan sungai yang terlibat iaitu Pembangunan Eko Pelancongan Sungai Muda dan Pembangunan Eko Pelancongan Sungai Perai.